

1. Apakah tujuan sesebuah koperasi mengadakan mesyuarat agung tahunan?

- A. Memilih anggota baharu
- B. Meluluskan undang-undang kecil
- C. Menubuhkan jawatankuasa penaja
- D. Mendapat sijil perakuan pendaftaran

2. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan

- Hal ehwal syarikat dirahsiakan
- Tidak bebas pindah milik syer
- Liabiliti terhad Modal

Apakah bentuk pemilikan tersebut ?

- A. Syarikat sendiriana berhad
- B. Syarikat awam berhad
- C. Milikan Tunggal
- D. Koperasi


3. Maklumat berikut berkaitan sektor perniagaan.

- Sektor primer
- Sektor sekunder
- Sektor tertier

Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor tertier?

- A. Doktor
- B. Buruh binaan
- C. Penternak ayam
- D. Peladang

4. Rajah 1 menunjukkan suatu skala perniagaan.



Rajah 1

Pilih pernyataan yang benar tentang **P**??

- A. Melibatkan penjualan suatu produk hanya dalam negara
- B. Membekalkan barang dan perkhidmatan di kawasan tertentu sahaja
- C. Penjualan suatu produk pada peringkat daerah dalam sesebuah negeri
- D. Melibatkan penjualan produk di pasaran dalam negeri dan di luar negara

5. Apakah sektor yang banyak diceburi oleh penduduk Malaysia selepas merdeka ?

- A. Sektor pertanian
- B. Sektor pembinaan
- C. Sektor perindustrian
- D. Sektor perkhidmatan

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Aminah

Puan Aminah merupakan pemilik Kedai Kek Aminah di Kuching . Beliau dibantu oleh 15 orang pekerja

Apakah saiz perniagaan Kedai Kek Aminah?

- A. Kecil
- B. Besar
- C. Global
- D. Sederhana

7. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A. Guna tenaga semakin menurun
- B. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
- C. Daya pengeluaran perniagaan meningkat
- D. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat

8. Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam menangani isu – isu negara

Keadaan kemelesetan ekonomi menyebabkan pendapatan pengguna semakin menurun dan hal ini menyebabkan permintaan untuk barang dan perkhidmatan berkurangan.

Apakah peranan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan?

- I Mengurangkan bekalan dalam ekonomi
- II Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- III Mengurangkan cukai pendapatan
- IV Meningkatkan kadar faedah

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

9. Pilih pernyataan yang **benar** berkaitan dengan analisis SWOT.

- A Peluang dan ancaman adalah faktor luaran
- B Peluang dan kelemahan adalah faktor dalaman
- C Kekuatan dan kelemahan adalah faktor luaran
- D Kekuatan dan ancaman adalah faktor dalaman

10. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.

Ahmad merupakan seorang majikan di Syarikat BKK Sdn Bhd . Beliau menjaga hubungan dengan pekerja bertujuan memberikan motivasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Ahmad?

- A. Gaya pengurusan sokongan
- B. Gaya pengurusan sederhana
- C. Gaya pengurusan demokratik
- D. Gaya pengurusan laissez faire

11. Antara yang berikut, yang manakah kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek undang- undang?

- I Mengurangkan bekalan dalam ekonomi
- II Sistem perniagaan yang adil dapat diwujudkan
- III Perlindungan daripada gejala penipuan dalam perniagaan
- IV Pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan oleh kerajaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

12. Sesebuah perniagaan memerlukan visi supaya hala tuju perniagaan dapat dicapai. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan maksud visi?

- A. Target keuntungan dalam perniagaan
- B. Menjadi panduan untuk membuat keputusan
- C. Sesuatu yang dibentuk untuk memuaskan pekerja
- D. Sasaran yang boleh diukur dalam pencapaian perniagaan

13. Apakah langkah yang perlu diambil oleh sesebuah organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam syarikatnya?

- A. Menggunakan teknologi yang tinggi
- B. Meningkatkan bilangan kakitangan
- C. Menggalakkan kerja lebih masa kepada pekerja
- D. Mengadakan latihan dan pembangunan pekerja

14. Encik. Arif berhak untuk menggunakan rahsia dagangan francais dengan membuat bayaran dalam bentuk royalti. Apakah kelebihan yang didapati oleh Encik Arif dengan menjalankan perniagaan tersebut?

- A. Tidak perlu mengawal kualiti barang yang dijual
- B. Risiko kegagalan dalam perniagaan rendah
- C. Perniagaan boleh dijalankan secara berterusan
- D. Kerugian perniagaan ditanggung oleh francais

15. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pernyataan objektif sebuah organisasi perniagaan.

Meningkatkan keuntungan sebanyak 15% daripada hasil jualan dalam jangka masa tiga bulan yang akan datang.

Apakah ciri yang terdapat dalam pernyataan objektif di atas?

- A Fleksibel
- B Boleh diukur
- C Mudah difahami
- D Munasabah

16. Pencapaian visi, misi dan objektif boleh dinilai berdasarkan kriteria semasa menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan. Antara berikut, yang manakah merupakan kriteria penilaian yang boleh digunakan.


- I Syer Pasaran
- II Titik Pulang Modal
- III Analisis Kekuatan Syarikat
- IV Kapasiti operasi perniagaan sedia ada

- A. I dah II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Apakah peranan bahagian fungsian teknologi maklumat dan komunikasi dalam sebuah organisasi perniagaan?

- A. Dapat meningkatkan produktiviti
- B. Memudahkan pengurusan inventori
- C. Dapat membuat perancangan kewangan
- D. Memastikan keselamatan sistem ICT

18. Rajah 2 di bawah ini menunjukkan proses komunikasi.



Rajah 2


Apakah unsur W, X, Y dan Z?

	W	X	Y	Z
A	Maklum balas	Dekod	Saluran	Enkod
B	Dekod	Saluran	Enkod	Maklum balas
C	Saluran	Enkod	Maklum balas	Dekod
D	Enkod	Saluran	Dekod	Maklum balas

19. Apakah tujuan pembangunan produk dan pasaran baharu?
- A. Memperkenalkan produk sedia ada kepada pasaran baharu
 - B. Memperkenalkan produk baharu kepada pasaran sedia ada
 - C. Memastikan produk memenuhi piawaian yang ditetapkan
 - D. Mencari pasaran baharu untuk produk sedia ada
20. Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia?
- A. Pengurusan modal awal yang digunakan untuk perniagaan
 - B. Pengurusan rekod kewangan sesebuah organisasi perniagaan
 - C. Pengurusan aset yang berbentuk ketara untuk dimanfaatkan organisasi bagi menjalankan perniagaan
 - D. Pengurusan modal insan yang memfokuskan kepada keperluan tenaga kerja dan pembahagian kerja
21. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan peranan membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran dalam pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan?
- A. Teknik merekrut dan proses pemilihan pekerja
 - B. Program latihan pembangunan yang berterusan
 - C. Amalan kerja yang beretika, berintegriti dan mementingkan kecemerlangan
 - D. Mewujudkan kerjasama melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kemahiran
22. Apakah itu Standard Prosedur Operasi (SOP)?
- A. Dokumen bertulis untuk mencapai keseragaman pelaksanaan tugas dan fungsi-fungsi tertentu.
 - B. Dokumen bertulis untuk menyebarkan peraturan pengurusan organisasi kepada semua pekerja.
 - C. Dokumen bertulis untuk menerangkan secara terperinci perjalanan operasi sesuatu unit dalam organisasi.
 - D. Dokumen bertulis untuk memastikan operasi perniagaan mengikut segala keperluan yang dikehendaki oleh pihak pengurusan tertinggi
23. Apakah prosedur mengurus sumber fizikal selain daripada perlindungan insurans dan keselamatan?
- A. Memantau penggunaan sumber fizikal
 - B. Merekodkan penggunaan sumber fizikal
 - C. Menyelenggara dan baik pulih secara terancang
 - D. Merangka bajet bagi kos pengurusan sumber fizikal
24. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan pengurusan sumber manusia?
- I Pemantapan budaya strategik
 - II Membentuk persekitaran kerja yang positif dan harmoni
 - III Latihan peningkatan kemahiran
 - IV Menjaga sumber kewangan
- A I II dan III C I III dan IV
B I II dan IV D II III dan IV

38. Bagaimanakah rancangan perniagaan yang baik dapat meyakinkan pihak bank?
- I kemampuan membayar hutang
 - II kadar keuntungan yang diperoleh
 - III jumlah deposit dalam akaun bank
 - IV jumlah pinjaman yang dipohon
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39. Rajah 5 berikut menunjukkan salah satu kaedah promosi.



- Kos siaran ditanggung oleh pihak media masa
- Mesej mempunyai kredibiliti yang tinggi kerana mendapat kepercayaan daripada pengguna

Rajah 5

Apakah X ?

- | | | | |
|---|-----------------|---|----------------|
| A | Pengiklanan | C | Promosi jualan |
| B | Jualan langsung | D | Publisiti |

40. Pernyataan manakah yang merupakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan?
- A memastikan usahawan berani mengambil risiko dalam dunia perniagaan.
 - B memastikan usahawan membuat perancangan dengan teliti terhadap keperluan sumber perniagaan
 - C memastikan usahawan tahu hala tuju perniagaan dengan betul.
 - D memastikan usahawan dapat menyediakan laporan kewangan dengan baik.

KERTAS SOALAN TAMAT